



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH KETINGGIAN KEPADA KETANGKASAN TERHADAP PEMAIN BADMINTON AMATUR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LUQMAN NAIM BIN MOHAMMAD

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH KETINGGIAN KEPADA KETANGKASAN TERHADAP PEMAIN
BADMINTON AMATUR

LUQMAN NAIM BIN MOHAMMAD



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SUKAN (SAINS KEJURULATIHAN)
DENGAN KEPUJIAN

FAKULTI SAINS SUKAN DAN KEJURULATIHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Saya dengan ini mengaku bahawa tesis ini yang bertajuk PENGARUH KETINGGIAN KEPADA KETANGKASAN TERHADAP PEMAIN BADMINTON AMATUR adalah berdasarkan hasil kerja saya sendiri kecuali petikan yang telah diakui dengan sewajarnya. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak pernah sebelum ini diserahkan untuk ijazah atau anugerah lain di Universiti Pendidikan Sultan Idris atau di institusi lain.

(LUQMAN NAIM BIN MOHAMMAD)



Diperakukan oleh :

(DR. NOR FADILA BINTI KASIM)

PENYELIA

Jabatan Sains Kejurulatihan

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh : 7/8/2021





KELULUSAN UNTUK PENYERAHAN

Tesis ini yang bertajuk PENGARUH KETINGGIAN KEPADA KETANGKASAN TERHADAP PEMAIN BADMINTON AMATUR disediakan oleh LUQMAN NAIM BIN MOHAMMAD telah disahkan memenuhi standard yang diperlukan untuk penyerahan dalam memenangi sebahagian daripada keperluan untuk dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris.



(DR. NOR FADILA BINTI KASIM)

PENYELIA

Jabatan Sains Kejurulatihan

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh : 7/8/2021

(DR. NOR AIJRATUL ASIKIN BINTI

MOHAMAD SHALAN)

PENYELARAS KURSUS

Jabatan Kejurulatihan

Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh : 7/8/2021





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan izin dan limpah kurnia-Nya penulis dapat menyiapkan kajian ini sebagai melengkapkan keperluan kursus Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan (Sains Kejurulatihan) dengan Kepujian di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak. Selain itu, penulis juga bersyukur kerana berjaya mengatasi segala rintangan dan cabaran semasa menyiapkan kajian ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Dr. Nor Fadila Binti Kasim selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan panduan serta membimbing penulis sepanjang melakukan kajian ini. Beliau turut memberikan dorongan dan kata-kata semangat kepada penulis tatkala penulis menghadapi cabaran untuk melakukan dan menyiapkan kajian ini. Segala bimbingan beliau amat saya hargai.

Selain itu, jutaan terima kasih kepada keluarga yang amat saya sayangi iaitu bonda, Asmah Binti Ahmad dan ayahanda, Naim Bin Othman serta ahli keluarga lain yang terlibat kerana telah banyak berkorban dan memberikan tenaga serta tidak putus-putus mendoakan dan memberikan dorongan kepada penulis untuk sentiasa bersemangat dalam meneruskan penyelidikan ini. Di samping itu, tidak lupa juga kepada teman-teman seperjuangan yang telah banyak membantu dan memberikan sokongan moral kepada penulis dalam menyiapkan kajian ini serta sekalung penghargaan kepada mereka yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung.

Akhir kata, tanpa bantuan mereka yang disebut ini tidaklah dapat penulis melengkapkan kajian ini dengan jayanya. Sekian, terima kasih.





PENGARUH KETINGGIAN KEPADA KETANGKASAN TERHADAP PEMAIN BADMINTON AMATUR

ABSTRAK

Ketangkasan merupakan salah satu komponen kemahiran yang penting dalam badminton. Namun begitu, hal ini tertakluk kepada faktor fizikal seseorang terutama kepada ketinggian. Pada peringkat atlit atau pemain professional, mereka didedahkan dengan latihan yang intensiti tinggi sehingga faktor ketinggian dapat diselindung dan sebaliknya bagi pemain amatur. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menentukan tahap ketangkasan seseorang pemain badminton amatur dan mengetahui faktor ketinggian mempunyai kesan terhadap ketangkasan pemain badminton amatur. Sampel kajian ini terdiri daripada 20 orang pemain badminton amatur di daerah Kuala Pilah berumur 19-25 tahun. Mereka dibahagikan kepada dua kumpulan mengikut ketinggian, ($n=10$, 160-169 cm) dan ($n=10$, 170-180 cm). Borang soal selidik diedarkan bagi mengetahui latar belakang. Mereka akan melakukan ujian *Illinois Agility* untuk mendapatkan data tahap ketangkasan. Data skor tahap ketangkasan pemain akan dikategorikan mengikut skor pencapaian masing-masing dan data untuk perbandingan statistik min, sisihan piawai dan nilai t kedua-dua kumpulan akan di analisis menggunakan *Independent Sample T-test*. Hasil dapatan kajian menunjukkan mereka yang lebih rendah mempunyai skor pencapaian yang lebih baik berbanding mereka yang tinggi. Walau bagaimanapun, tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kedua-dua kumpulan, $t(18) = -1.28$, $p > 0.05$. Secara kesimpulannya, ketinggian tidak mempengaruhi dan memberi kesan kepada ketangkasan pemain badminton amatur.





INFLUENCE OF HEIGHT ON AGILITY ON AMATEUR BADMINTON PLAYERS

ABSTRACT

Agility is one of the important skill components in badminton. However, this is subject to one's physical factors especially to height. At the level of athletes or professional players, they are exposed to high intensity training so that the height factor can be masked and vice versa for amateur players. The purpose of this study was to determine the level of agility of an amateur badminton player and find out the height factor has an effect on the agility of amateur badminton players. The sample of this study consisted of 20 amateur badminton players in Kuala Pilah district aged 19-25 years. They were divided into two groups according to height, (n=10, 160–169 cm) and (n=10, 170–180 cm). Questionnaires were distributed to find out the background. They will perform an Illinois Agility test to obtain agility level data. Player agility level score data will be categorized according to their respective achievement scores and data for statistical comparison of mean, standard deviation and t value of both groups will be analyzed using Independent Sample T-test. The results of the study showed that those who were lower had better achievement scores than those who were high. However, there was no significant difference between the two groups, $t(18) = -1.28, p > 0.05$. In conclusion, height does not affect the agility of amateur badminton players.



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN **ii**

KELULUSAN UNTUK PENYERAHAN **iii**

PENGHARGAAN **iv**

ABSTRAK **v**

ABSTRACT **vi**

KANDUNGAN **vii-xi**

SENARAI JADUAL **xii-xiii**

SENARAI RAJAH **xiv**

SENARAI SINGKATAN **xv**

SENARAI LAMPIRAN **xvi**

BAB 1 PENGENALAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN 1-2

1.2 PERNYATAAN MASALAH 3

1.3 OBJEKTIF KAJIAN 4

1.4 PERSOALAN KAJIAN 4

1.5 BATASAN KAJIAN	4-5
1.5.1 DELIMITASI KAJIAN	5
1.5.2 LIMITASI KAJIAN	6
1.6 KEPENTINGAN KAJIAN	6

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN	7
2.2 KETANGKASAN	8
2.3 HUBUNGAN FIZIKAL BADAN DAN KETANGKASAN	9-10
2.4 UJIAN KETANGKASAN ILLINOIS (IAT)	10-11

 05-4506832	 pustaka.upsi.edu.my	 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	 PustakaTBainun	 ptbupsi	11
--	--	--	--	---	----

2.5 RUMUSAN

BAB 3 METODOLOGI

3.1 PENGENALAN	12
3.2 PESERTA KAJIAN	12
3.3 INSTRUMEN KAJIAN	13-14
3.4 PROSEDUR KAJIAN	14-15
3.5 REKA BENTUK KAJIAN	15

3.6 ANALISIS DATA 15

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 PENGENALAN 16

4.2 DATA DAN ANALISIS MAKLUM BALAS SOAL SELIDIK 17

4.2.1 DATA DAN ANALISIS SUKAN LAIN YANG DICEBURI 17

4.2.2 DATA DAN ANALISIS KEKERAPAN BERMAIN BADMINTON 18-19

4.2.3 DATA DAN ANALISIS PERLAKUAN SESI PEMANASAN BADAN SEBELUM BERMAIN ATAU MELAKUKAN APA-APA AKTIVITI FIZIKAL 19-20

4.2.4 DATA DAN ANALISIS MASA YANG DIAMBIL UNTUK MELAKUKAN SESI PEMANASAN BADAN 20-21

4.2.5 DATA DAN ANALISIS SESI LATIHAN KETIKA BERMAIN 21-22

4.2.6 DATA DAN ANALISIS LATIHAN SECARA INDIVIDU ATAU BERKUMPULAN 22-23

4.2.7 DATA DAN ANALISIS KEKERAPAN LATIHAN YANG DILAKUKAN DALAM SEMINGGU 23-24

4.2.8 DATA DAN ANALISIS MASA YANG DIAMBIL UNTUK MELAKUKAN LATIHAN 25-26

4.2.9 DATA DAN ANALISIS PERNAH MENGALAMI KECEDERAAN SEMASA BERLATIH/PERLAWANAN 26-27

4.2.10 DATA DAN ANALISIS BAHAGIAN BADAN YANG TERKENA KECEDERAAN 27-28

4.2.11 DATA DAN ANALISIS JENIS KECEDERAAN YANG DI ALAMI	29-30
4.3 TAHAP KETANGKASAN KUMPULAN (160-169 CM) DAN (170-180 CM)	31
4.3.1 TAHAP KETANGKASAN KUMPULAN (160-169 CM)	31
4.3.2 TAHAP KETANGKASAN KUMPULAN (170-180 CM)	32
4.4 PERBANDINGAN TAHAP KETANGKASAN DI ANTARA KUMPULAN (160-169 CM) DAN (170-180 CM)	33
4.5 ANALISIS STATISTIK	34
4.5.1 DATA STATISTIK SKOR KETANGKASAN BAGI KUMPULAN (160-169 CM) DAN (170-180 CM)	34

**BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

5.1 PENGENALAN	35
5.2 PERBINCANGAN	35
5.2.1 PERBANDINGAN TAHAP KETANGKASAN	35-36
5.2.2 KESAN KETINGGIAN TERHADAP KETANGKASAN	36-37
5.3 RUMUSAN	37-38
5.4 IMPLIKASI DAN SUMBANGAN	38
5.5 CADANGAN	39

RUJUKAN**40-41****LAMPIRAN**



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL

MUKA SURAT

3.1 Data normatif ujian ketangkasan Illinois	13
4.1 Frekuensi dan peraturan berdasarkan sukan lain yang diceburi	17
4.2 Frekuensi dan peraturan berdasarkan kekerapan bermain badminton	19
4.3 Frekuensi dan peraturan berdasarkan perlakuan sesi pemanasan badan sebelum bermain atau melakukan apa-apa aktiviti fizikal	20
4.4 Frekuensi dan peraturan berdasarkan masa yang diambil untuk melakukan sesi pemanasan badan	21
4.5 Frekuensi dan peraturan berdasarkan sesi latihan ketika bermain	22
4.6 Frekuensi dan peraturan berdasarkan latihan secara individu atau berkumpulan	23
4.7 Frekuensi dan peraturan berdasarkan kekerapan latihan yang dilakukan dalam seminggu	24
4.8 Frekuensi dan peraturan berdasarkan masa yang diambil untuk melakukan latihan	26
4.9 Frekuensi dan peraturan berdasarkan pernah mengalami kecederaan semasa berlatih/perlawanan	27
4.10 Frekuensi dan peraturan berdasarkan bahagian badan yang terkena kecederaan	28
4.11 Frekuensi dan peraturan berdasarkan jenis kecederaan yang di alami	30
4.12 Tahap ketangkasan kumpulan (160-169 cm)	31
4.13 Tahap ketangkasan kumpulan (170-180 cm)	32





4.14 Data kategori tahap ketangkasan kumpulan (160-169 cm) dan (170-180 cm)	33
4.15 Data min, sisihan piawai, nilai p dan nilai t bagi kumpulan (160-169 cm) dan (170-180 cm)	34





SENARAI RAJAH

NO. RAJAH

MUKA SURAT

3.1 Susun atur litar ujian ketangkasan Illinois	14
4.1 Taburan maklum balas berdasarkan sukan lain yang diceburi	17
4.2 Taburan maklum balas berdasarkan kekerapan bermain badminton	18
4.3 Taburan maklum balas berdasarkan perlakuan sesi pemanasan badan sebelum bermain atau melakukan apa-apa aktiviti fizikal	19
4.4 Taburan maklum balas berdasarkan masa yang diambil untuk melakukan sesi pemanasan badan	20
4.5 Taburan maklum balas berdasarkan sesi latihan ketika bermain	21
4.6 Taburan maklum balas berdasarkan latihan secara individu atau berkumpulan	22
4.7 Taburan maklum balas berdasarkan kekerapan latihan yang dilakukan dalam seminggu	23
4.8 Taburan maklum balas berdasarkan masa yang diambil untuk melakukan latihan	25
4.9 Taburan maklum balas berdasarkan pernah mengalami kecederaan semasa berlatih/perlawanan	26
4.10 Taburan maklum balas berdasarkan bahagian badan yang terkena kecederaan	27
4.11 Taburan maklum balas berdasarkan jenis kecederaan yang di alami	29





SENARAI SINGKATAN

SOP STANDARD OF PROCEDURE

BMI BODY MASS INDEX

IAT ILLINOIS AGILITY TEST





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xvi

SENARAI LAMPIRAN

A) LINK SOAL SELIDIK



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian

Sukan terdiri daripada latihan fizikal yang dilakukan untuk beberapa tujuan seperti pertandingan, kesenangan, kemajuan, kepakaran, kecemerlangan, dan sebagainya.

Perbezaan pandangan ini yang membezakan inti pati sukan. Sukan juga terdiri

daripada dua iaitu arahan kemahiran santai dan beberapa panduan dan peraturan untuk mencapai kecemerlangan. Antara contoh sukan yang giat dipertandingkan pada peringkat dalam dan luar negara adalah sukan badminton. Pada asalnya sukan ini berasal dari negara China dan dipopularkan di England. Sukan ini juga merupakan sukan kebangsaan bagi beberapa negara terutama di Asia. Badminton adalah sukan yang dimainkan menggunakan raket dimana bulutangkis dipukul melepasi jaring (Cinthuja et al., 2015). Menurut Tiwari, Rai dan Srinet (2011), badminton adalah sukan raket yang dimainkan oleh pemain lawan individu (perseorangan) atau pasangan pemain lawan (beregu), yang mengambil posisi dibahagian seberang gelanggang segi empat tepat dan dibahagi dua oleh jaring. Badminton kebanyakannya dimainkan sebagai sukan luaran rekreasi di halaman atau di pantai. Permainan formal dimainkan di halaman atau gelanggang yang disertakan segi empat tepat. Mata





dijaringkan dengan memukul bulu dengan raket dan mendarat di dalam gelanggang lawan.

Selain itu, sukan badminton boleh dimainkan oleh semua orang tidak kira lapisan masyarakat. Panjang masa permainan tidak ditetapkan dan mengikut sistem kiraan mata iaitu siapa yang mendapatkan mata ke-21 maka pemain itulah yang akan menang. Pemain hanya memerlukan dua set daripada tiga set jika dua set pertama dapat dimenangi. Secara khususnya jika dimainkan secara profesional, gaya, taktik dan kemahiran adalah sangat penting bagi seorang pemain atau atlit itu. Durasi masa secara puratanya sangat panjang dan lama untuk menghabiskan sesebuah perlawanan.



Oleh hal yang demikian, sukan badminton memerlukan tahap keupayaan dan teknik yang pelbagai dengan stamina, ketangkasan, kelajuan tindak balas, fleksibiliti, kesedaran dan kekuatan adalah antara kemahiran yang diperlukan untuk bermain. Dalam permainan badminton yang panjang atau 'rally', pemain memukul bulu tangkis ke arah pihak lawan untuk mendapatkan mata dan memenangi permainan dalam 'rally' serta memerlukan pemain untuk bergerak dengan pantas dalam masa yang singkat pada kesemua arah (Masu & Nagai, 2016). Justeru, kesemua pemain badminton memerlukan kemahiran ketangkasan yang tinggi untuk bermain. Hal ini disebabkan oleh ketangkasan dikaitkan dengan prestasi semasa pertandingan badminton (Tiwari et al., 2011). Sehubungan dengan itu, ketangkasan merupakan suatu komponen yang sangat penting di dalam sukan badminton untuk pemain atau atlit memperbaiki gaya dan corak serta kualiti permainan mereka.





1.2 Pernyataan masalah

Ketangkasan merupakan salah satu komponen kemahiran yang penting. Ketangkasan merupakan kemahiran yang memerlukan seseorang berupaya mengubah arah dalam masa yang singkat. Kemahiran ini adalah asas yang penting dalam apa jua sukan. Namun begitu, hal ini tertakluk kepada faktor fizikal seseorang itu terutama kepada ketinggian. Dalam badminton, terdapat banyak jenis kemahiran yang melibatkan ketangkasan. Sebagai contohnya, berupaya menghantar semula bulu tangkis kepada lawan dibahagian jaring setelah melakukan pukulan 'smash'. Pada peringkat atlit atau pemain profesional, mereka sememangnya didedahkan dengan latihan-latihan yang intensitinya tinggi sehingga faktor ketinggian mereka dapat diselindungi. Lain pula bagi pemain amatur yang kurang didedahkan dengan latihan yang intensiti tinggi dan tahap ketangkasan ditambah pula dengan faktor fizikal iaitu ketinggian. Kajian berkenaan ketinggian dan ketangkasan dalam badminton sangat sedikit dan terhad. Cronin, McNair dan Marshal (2003) menyatakan bahawa ketinggian seseorang individu dapat mempengaruhi skor ketangkasan. Sehubungan dengan itu, pengkaji ingin mengkaji dan mencari jawapan kepada persoalan adakah ketinggian memberi pengaruh atau kesan kepada ketangkasan pemain badminton amatur.





1.3 Objektif kajian

Terdapat beberapa objektif yang dapat dinyatakan oleh pengkaji bagi mengkaji pengaruh ketinggian terhadap ketangkasan pemain badminton amatur. Antaranya ialah:

- i. Menentukan tahap ketangkasan seseorang pemain badminton amatur
- ii. Mengetahui faktor ketinggian mempunyai kesan terhadap ketangkasan pemain badminton amatur.

1.4 Persoalan kajian

Terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu dijawab oleh pengkaji melalui kajian ini untuk mencapai objektif kajian. Antaranya ialah:

- i. Adakah tahap ketangkasan seseorang pemain badminton amatur dapat ditentukan?
- ii. Adakah terdapat kesan faktor ketinggian terhadap ketangkasan pemain badminton amatur?

1.5 Batasan kajian

Tidak dapat dinafikan bahawa terdapat beberapa batasan kajian yang dapat mempengaruhi dapatan kajian ketika pengkaji menjalankan kajian ini. Bagi menjelaskan tentang hal ini, pengkaji telah membahagikan batasan kajian kepada dua





bahagian iaitu delimitasi kajian dan limitasi kajian. Delimitasi kajian adalah sesuatu perkara yang dapat dikawal oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian ini dan dibentuk oleh pengkaji sendiri. Limitasi kajian pula adalah sesuatu perkara yang tidak dapat dikawal oleh pengkaji sewaktu menjalankan kajian akibat daripada batasan-batasan tertentu. Pengkaji telah mengenal pasti beberapa delimitasi dan limitasi kajian yang dapat mempengaruhi dapatan kajian pengkaji.

1.5.1 Delimitasi kajian

Terdapat beberapa delimitasi kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan iaitu:



05-4506832 i.



Kajian ini terbatas kepada pemain badminton amatur yang masih aktif sahaja dan dalam lingkungan umur 19-25 tahun.

- ii. Peserta kajian diberikan tempoh 10 minit melakukan sesi pemanasan badan mengikut aktiviti yang telah ditetapkan oleh pengkaji.
- iii. Peserta kajian diberikan arahan untuk melakukan ujian mengikut masa yang telah ditetapkan oleh pengkaji.
- iv. Kajian ini berfokus kepada ketangkasan pemain badminton amatur dan kesan ketinggian kepada ketangkasan pemain badminton amatur.





1.5.2 Limitasi kajian

Terdapat beberapa limitasi kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji dalam kajian yang dijalankan iaitu:

- i. Pengkaji tidak dapat mengawal perlakuan peserta kajian jika berlaku kecederaan semasa dalam tempoh kajian dijalankan,
- ii. Pengkaji mengambil masa yang lama untuk mendapatkan data kerana prosedur standard (SOP) daripada kerajaan dalam situasi wabak pandemik Covid-19.
- iii. Segala data peribadi dan perlakuan peserta kajian tidak boleh dipaksa.
- iv. Saiz sampel kajian adalah sedikit.



1.6 Kepentingan kajian

Terdapat beberapa kepentingan kajian yang boleh didapati dalam kajian ini iaitu:

- i. Memberikan pendedahan kepada pemain badminton amatir mengenai tahap ketangkasan yang ideal dan baik untuk meningkatkan prestasi.
- ii. Satu panduan dan rujukan kepada jurulatih dalam memilih pemain yang berkualiti daripada segi ketangkasan.
- iii. Dapatan kajian boleh digunakan oleh pengkaji lain pada masa akan datang untuk lebih menerokai dengan lebih mendalam berkaitan masalah dalam kajian ini.

